



## JURNAL PENDIDIKAN BAHASA MELAYU *Malay Language Education Journal*

### Minat, Sikap dan Motivasi Murid Sekolah Swasta terhadap Pendekatan Pembelajaran Terbeza Subjek Bahasa Melayu

(Interest, Attitude and Motivation of Private Secondary School Students toward Different Learning Approaches to Malay Language Subject)

**Masitah Saadon**

Sekolah Seri Suria, Taman Perkasa, 43100 Hulu Langat, Selangor, MALAYSIA.

Koresponden: **Masitah Saadon**, [p111248@siswa.ukm.edu.my](mailto:p111248@siswa.ukm.edu.my)

**ISSN:** 2180-4842

**Terbitan:** Mei, 2023

**Volume:** 13

**Bilangan:** 01

**Halaman:** 64-72

**Dihantar pada:**

20 November 2022

**Diterima pada:**

20 Jun 2023

**Abstrak:** Pendekatan pembelajaran terbeza merupakan alternatif yang berkesan kepada kepelbagaiannya murid. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap minat, sikap dan motivasi murid sekolah menengah swasta terhadap pendekatan pembelajaran dalam bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan melalui pendekatan kuantitatif. Seramai 240 orang murid telah dipilih daripada enam buah sekolah swasta di daerah Hulu Langat melalui persampelan rawak bertujuan. Instrumen kajian ini terdiri daripada borang soal selidik yang telah diubah suai daripada kajian lepas dan diedarkan secara dalam talian melalui *Google Form*. Data dianalisis menggunakan *Statistical Package for Science Social* (SPSS) versi 27.0 untuk pemerihalan data deskriptif melibatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Dapatkan kajian menunjukkan tahap bagi semua konstruk adalah pada tahap sederhana, iaitu tahap minat ( $\text{min}=2.69$ ), tahap sikap ( $\text{min}=2.69$ ) dan tahap motivasi ( $\text{min}=2.70$ ). Implikasi kajian ini ialah pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza di sekolah swasta bagi mata pelajaran Bahasa Melayu perlu dipertingkatkan lagi. Kesimpulannya, semua guru Bahasa Melayu harus mengetengahkan pendekatan pembelajaran terbeza di sekolah demi kecemerlangan setiap murid yang pelbagai.

**Kata kunci:** Pendekatan terbeza, sekolah swasta, minat, sikap, motivasi, subjek Bahasa Melayu

**Abstract:** The differentiated learning approach is an effective alternative to the diversity of students. This study aims to identify the level of challenge, impact, acceptance, interest, attitude and motivation of private secondary school students towards the learning approach in Malay. This study uses a survey method through a quantitative approach. A total of 240 students were selected from six private schools in the Hulu Langat district through purposive random sampling. This research instrument consists of a questionnaire that has been modified from a previous study and distributed online through Google Form. Data was analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 27.0 for descriptive data description involving frequency, percentage, mean and standard deviation. The findings of the study show that the levels for all constructs are at a moderate level, namely the level of challenge ( $\text{min}=2.56$ ), the level of impact ( $\text{min}=2.65$ ), the level of acceptance ( $\text{min}=2.70$ ), the level of interest ( $\text{min}=2.69$ ), the level of attitude ( $\text{min}=2.69$ ) and level of motivation ( $\text{mean}=2.70$ ). In conclusion, all teachers should highlight different learning approaches in schools for the sake of the excellence of each diverse student.

**Keywords:** Differentiated approach, Private school, Interest, Attitude, Motivation, Malay Language

## PENGENALAN

Bagi mendapatkan kehidupan yang lebih terjamin dan kecemerlangan dalam hidup, setiap orang memerlukan pendidikan. Tanpa pendidikan, kita akan berada pada takuk yang sama dan tidak keluar daripada kepompong hidup yang penuh penderitaan. Dalam kita rancak mendepani kemajuan teknologi serta sistem pendidikan yang semakin maju, tanpa kita sedar terdapat murid yang masih lagi berada di bawah tanpa mendapat pembelaan dalam mendapatkan pendidikan yang sewajarnya lantaran kemampuan mereka dalam belajar adalah rendah. Tidak dinafikan bahawa setiap murid tidak sama walaupun memiliki rambut yang sama hitam.

Gaya belajar mereka haruslah berbeza mengikut tahap kognitif serta kemampuan mereka dan peranan ini haruslah dilaksanakan oleh guru dalam menggunakan pendekatan yang sesuai sama ada bagi memastikan semua murid mendapat pengetahuan tanpa mengambil kira aspek kognitif mahupun sosioekonomi mereka. Guru haruslah bersedia dalam menyediakan pelbagai bahan pengajaran kepada setiap murid mengikut aras kognitif mereka. Perbezaan agama, budaya, sosioekonomi serta kognitif murid haruslah diketepikan dalam memberikan pendidikan yang setara kepada setiap murid. Oleh itu, apabila guru mempelbagaikan bahan mengikut tahap kognitif murid, proses pengajaran dan pembelajaran akan mencapai objektif yang diinginkan. Pendekatan pembelajaran terbeza yang merupakan bentuk pengajaran yang efisien yang perlu menjadi nadi dalam sistem pendidikan bagi memastikan semua murid memperoleh hak yang setara dalam pendidikan.

Pendekatan pembelajaran terbeza merupakan satu pendekatan pengajaran yang baharu. Guru diberi peluang dan ruang untuk menggunakan teknik pengajaran yang pelbagai kepada setiap murid yang pelbagai bagi menarik minat murid mempelajari bahasa Melayu khususnya di samping menggalakkkan murid berani mengemukakan idea serta pendapat secara bebas. Hal ini dapat mengurangkan rasa rendah diri yang ada dalam diri setiap murid apabila mereka ditempatkan di dalam kelas yang mempunyai murid lebih cemerlang daripada mereka seiring dengan kemajuan teknologi kini. Berteraskan objektif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, KPM 2013), jurang murid dapat dirapatkan melalui peranan guru dalam memperbanyak kaedah pengajaran yang sesuai dan menarik untuk memastikan murid dapat meningkatkan penguasaan pemahaman mereka. Pelaksanaan pendekatan ini dilihat adalah bersesuaian dengan kehendak setiap ibu bapa yang mahu melihat anak-anak mereka mendapat pendidikan yang sewajarnya tanpa ada sebarang prejedis mahupun pilih kasih dalam kalangan guru.

Pendidikan di sekolah swasta sememangnya diketahui mempunyai kemudahan lebih baik daripada

sekolah kerajaan. Pendekatan pembelajaran terbeza yang dilaksanakan di sekolah swasta terutamanya sekolah yang majoritinya murid Cina adalah tepat kerana pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina ini memerlukan pendekatan yang lebih efektif. Sekiranya guru menggunakan pendekatan biasa atau konvensional, persepsi murid terhadap bahasa Melayu adalah rendah kerana bagi mereka pembelajaran bahasa Melayu memerlukan pendekatan yang efisien dan menarik.

## PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DI INSTITUSI SWASTA

Dasar pendidikan elit kerajaan telah membuka ruang kepada pembangunan institusi swasta di Malaysia. Sebagai contoh, semasa dekad 1970-an, dengan penghijrahan ramai pelajar bukan peribumi ke luar negara untuk melanjutkan pelajaran, penubuhan institusi pengajian tinggi swasta adalah wajar. Hal ini dikatakan demikian kerana kemasukan universiti awam telah diperketat berdasarkan kuota kaum tertentu. Oleh itu, bagi memudahkan penubuhan institusi pengajian tinggi serta mengurangkan pergerakan mata wang Malaysia, beberapa kolej swasta telah ditubuhkan. Walau bagaimanapun, peranan kolej terhad kepada mengendalikan kursus persediaan universiti, menyediakan pelajar untuk pekerjaan, dan menawarkan kursus bahasa dan komunikasi

Beberapa mandat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) untuk mengajar secara eksklusif dalam bahasa Inggeris turut mencabar kewibawaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, sekali gus menjelaskan agenda pemerkasaan dan kedaulatan Bahasa Melayu di peringkat supranasional. Peranan IPTA sebagai rumah ilmu seharusnya menjalankan usaha yang lebih mendalam dalam memperkasa dan mengembangkan pembangunan Bahasa Melayu. Bukan itu sahaja, Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) juga secara terang-terangan menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam komunikasi serta pengajaran.

Pertambahan sekolah vernakular di Malaysia juga telah menjelaskan pemerkasaan bahasa Melayu. Apabila kita cuba membina negara bangsa, sepatutnya kurang sekolah bahasa ibunda, tetapi sebaliknya yang berlaku. Sememangnya usaha kerajaan untuk mewujudkan sekolah kebangsaan sebagai tempat penyatuan kaum sedikit terjejas apabila kebanyakan rakyat Malaysia memilih sekolah bahasa ibunda sebagai tempat belajar anak-anak mereka. Malah, terdapat juga sekolah antarabangsa yang semakin banyak, yang pastinya menimbulkan masalah kepada pemerkasaan Bahasa Melayu dalam keadaan Bahasa Inggeris menjadi bahasa rasmi di kebanyakan sekolah antarabangsa. Hal ini sekali gus mengetepikan kedudukan Bahasa Melayu itu sendiri sebagai bahasa kebangsaan di Malaysia.

## PERNYATAAN MASALAH

Pendekatan yang digunakan oleh guru sememangnya satu langkah yang berkesan dalam memastikan murid dapat memahami ilmu yang disampaikan dengan lebih baik. Namun demikian, tidak dinafikan bahawa murid tidak menitikberatkan pendekatan yang digunakan oleh guru akibat daripada sikap serta persepsi murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Kajian Tengku Nor Adila (2017) menunjukkan bahawa murid tidak menunjukkan minat untuk menguasai bahasa Melayu disebabkan faktor ibu bapa murid yang tidak mendedahkan murid dengan bahasa Melayu. Hal ini secara tidak langsung akan mempengaruhi pencapaian murid dalam bahasa Melayu kerana tiada sokongan utama daripada orang terdekat.

Kajian Mohamad Yazid (2016) mendapati murid-murid bukan Melayu mempunyai sikap yang negatif terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Murid-murid bukan Melayu menganggap bahasa Melayu tidak penting untuk dipelajari dan hanya untuk lulus dalam peperiksaan sahaja. Sikap negatif yang ditunjukkan telah menyebabkan bahasa Melayu tidak dipelajari dengan bersungguh-sungguh.

Kajian Mohamad Yazid (2016) mendapati murid-murid bukan Melayu mempunyai sikap yang negatif terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Murid-murid bukan Melayu menganggap bahasa Melayu tidak penting untuk dipelajari dan hanya untuk lulus dalam peperiksaan sahaja. Sikap negatif yang ditunjukkan telah menyebabkan bahasa Melayu tidak dipelajari dengan bersungguh-sungguh.

Berdasarkan masalah minat, sikap dan motivasi murid, terutamanya dalam kalangan murid bukan Melayu, kajian ini dibuat. Kajian yang dilakukan di sebuah sekolah swasta yang hampir 90 peratus muridnya ialah pelajar bukan Melayu, terutamanya daripada kaum Cina.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap minat, sikap dan motivasi murid sekolah menengah swasta terhadap pendekatan pembelajaran terbeza yang dilaksanakan bagi subjek bahasa Melayu di sekolah. Secara khusus, kajian ini dilaksanakan berdasarkan tiga objektif berikut:

1. Mengenal pasti tahap minat murid sekolah menengah swasta apabila pendekatan pembelajaran terbeza dilaksanakan dalam pembelajaran Bahasa Melayu.
2. Mengenal pasti tahap sikap murid sekolah menengah swasta apabila pendekatan pembelajaran terbeza dilaksanakan dalam pembelajaran Bahasa Melayu.
3. Mengenal pasti tahap motivasi murid sekolah menengah swasta apabila pendekatan

pembelajaran terbeza dilaksanakan dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

## METODOLOGI

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kajian tinjauan dan menggunakan pendekatan kuantitatif. Reka bentuk tinjauan ialah kajian terhadap perkara yang sedang berlaku dan reka bentuk ini merupakan kaedah yang mudah dan popular (CHua 2014). Kaedah penyelidikan kuantitatif pula digunakan untuk mendapatkan gambaran fenomena dalam pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza yang mempunyai pelbagai aspek dan faktor yang perlu dikaji.

### Lokasi Kajian

Kajian ini dilaksanakan di enam daripada 13 buah sekolah swasta di daerah Hulu Langat, Selangor. Daerah ini dipilih kerana terdapat banyak sekolah swasta yang ditubuhkan, di samping mempunyai pelbagai ciri yang boleh memenuhi objektif kajian. Enam buah sekolah ini memberi kerjasama penuh untuk menjalankan kajian tentang pendekatan pembelajaran terbeza. Sampel kajian terdiri daripada 240 orang murid yang dipilih secara rawak bertujuan. Daripada 240 orang murid itu, setiap sekolah mengedarkan borang soal selidik kepada 40 orang murid yang melibatkan 20 orang murid lelaki dan 20 orang murid perempuan.

### Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang diadaptasi daripada kajian lepas Maslin (2007) dan diubah suai mengikut kesesuaian kajian yang dijalankan. Instrumen soal selidik dikatakan amat bersesuaian dengan kajian tinjauan kerana kaedah ini berupaya menghasilkan item-item yang boleh dipercayai dan konsisten jika disediakan dengan baik. Soal selidik ini menggunakan skala Likert empat mata, iaitu skala 1 (Tidak Setuju), 2 (Agak Setuju), 3 (Setuju), dan 4 (Amat Setuju). Borang soal selidik ini telah diedarkan secara dalam talian melalui *Google Form*. Borang soal selidik ini mengandungi 4 bahagian. Bahagian A ialah bahagian bagi mendapatkan maklumat latar belakang responden. Bahagian B berkaitan tahap minat sebanyak 9 item, Bahagian C berkaitan tentang tahap sikap sebanyak 9 item, dan Bahagian D berkaitan tentang tahap motivasi sebanyak 7 item.

### Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Sebelum kajian rintis dijalankan, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang dibina dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 27.0 untuk mendapatkan nilai

pekali alpha Cronbach bagi setiap item mengikut konstruk. Nilai pekali alpha Cronbach bagi keseluruhan item dalam borang soal selidik mencatatkan .747 iaitu item ini baik dan boleh diterima (Bond dan Fox 2007)

Selepas mendapat pengesahan daripada pihak yang berautoriti tersebut, barulah kajian rintis dilaksanakan. Kajian rintis bertujuan untuk mendapatkan gambaran awal kajian penyelidikan berskala penuh. Kajian rintis juga dijalankan untuk mengetahui kesesuaian dan kefahaman responden terhadap item-item yang dibina dalam borang soal selidik. Jika terdapat item yang tidak wajar, sukar difahami atau mengelirukan, maka item tersebut boleh dibuat penambahbaikan atau dikeluarkan daripada set soal selidik. Kajian rintis melibatkan 20 orang murid bukan responden sebenar untuk mendapatkan kebolehpercayaan instrumen bagi kajian sebenar.

### Prosedur Pengumpulan Data

Dalam melaksanakan kajian ini, terdapat beberapa prosedur yang perlu dilakukan. Sebelum melaksanakan kajian ini, pemakluman kepada guru subjek bahasa Melayu di enam buah sekolah yang terpilih berkaitan kajian yang telah dijalankan. Keizinan daripada pihak atasan diperlukan sebelum meneruskan kajian ini kepada murid di sekolah berkenaan. Selepas mendapat kebenaran, penerangan secara dalam talian berkaitan tajuk yang dikaji bagi memudahkan guru-guru berkenaan lebih memahami item yang akan ditanya dalam borang soal selidik. Selepas itu, pengedaran borang soal selidik melalui *Google Form* secara dalam talian ke dalam e-mel guru-guru berkenaan untuk diberikan kepada murid-murid terpilih di sekolah tersebut. Pemilihan sampel adalah secara rawak tetapi masih mengikut persampelan rawak bertujuan yang ditetapkan. Kemudian, pengumpulan data yang telah dijawab oleh setiap murid yang telah dipautkan terus ke e-mel. Data tersebut dianalisis seperti yang diterangkan pada bahagian analisis data.

### Analisis data

Analisis data bagi setiap dapatan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 27.0. Statistik yang digunakan untuk menganalisis data dalam kajian ini ialah statistik deskriptif. Statistik deskriptif digunakan dalam kajian ini untuk menghuraikan ciri-ciri pemboleh ubah. Menurut Chua (2014), statistik deskriptif digunakan untuk menghuraikan atau membuat ringkasan bagi setiap maklumat atau data yang diperoleh. Statistik deskriptif yang dianalisis melibatkan kekerapan, peratusan, nilai min dan sisihan piawai bagi demografi responden serta tahap setiap konstruk. Nilai min bagi setiap tahap konstruk ditentukan berdasarkan tatacara dalam pengiraan sela jeda yang diadaptasi daripada Riduan (2012).

## DAPATAN KAJIAN

### Profil Responden Kajian

Jadual 1 menunjukkan latar belakang responden kajian. Sebanyak enam buah sekolah telah terlibat secara langsung dalam kajian ini dan dikelaskan kepada Sekolah A, Sekolah B, Sekolah C, Sekolah D, Sekolah E, dan Sekolah F. Jumlah pelajar adalah setara bagi keenam-enam buah sekolah ini, iaitu seramai 40 orang murid. Responden kajian adalah seramai 240 orang murid yang terdiri daripada 120 (50%) orang murid lelaki dan 120 (50%) orang murid perempuan. Bilangan responden mengikut jantina adalah setara. Dari segi kaum, murid Cina mendominasi dalam kajian ini memandangkan sekolah swasta yang dipilih majoritinya ialah kaum Cina, iaitu seramai 109 orang (45.4%) diikuti murid Melayu seramai 99 orang (41.3%), murid India seramai 25 orang (10.4%) dan lain-lain seramai 7 orang (2.9%).

JADUAL 1: Profil responden kajian

	Kategori	Kekerapan (N = 240)	Peratusan (%)
Sekolah	Sekolah Swasta A	40	16.7
	Sekolah Swasta B	40	16.7
	Sekolah Swasta C	40	16.7
	Sekolah Swasta D	40	16.7
	Sekolah Swasta E	40	16.7
	Sekolah Swasta F	40	16.7
Jantina	Lelaki	120	50.0
	Perempuan	120	50.0
Kaum	Melayu	99	41.3
	Cina	109	45.5
	India	25	10.4
	Lain-lain kaum	7	2.9

### Tahap Minat Murid terhadap Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Terbeza ketika Mempelajari Bahasa Melayu

Jadual 2 menunjukkan kekerapan, peratusan, taburan min dan sisihan piawai bagi tahap minat murid terhadap pembelajaran pendekatan terbeza. Secara keseluruhan, semua responden memilih skala setuju untuk menjawab bagi setiap item. Item yang mempunyai nilai min tertinggi ialah item B1, iaitu ‘Pendekatan terbeza meningkatkan minat saya dalam subjek Bahasa Melayu’ dengan min 2.81. Bagi item ini, jumlah responden yang memilih skala Setuju adalah seramai 151 orang (62.9%). Skala kedua tertinggi ialah skala Agak Setuju, iaitu seramai 64 orang (26.7%), diikuti skala Sangat Setuju seramai 23 orang (9.6%), dan hanya 2 orang sahaja (0.8%) yang memilih skala Tidak Setuju.

JADUAL 2: Tahap minat murid terhadap pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza ketika mempelajari Bahasa Melayu

Item	Pernyataan Minat	Kekerapan dan peratusan					Tahap Min	
		TS	AS	S	SS	Min	SP	
B1	Pendekatan terbeza meningkatkan minat saya dalam subjek Bahasa Melayu.	2 0.8%	64 26.7%	151 62.9%	23 9.6%	2.81	.602	Sederhana
B2	Saya akan memastikan hasil tugasan memuaskan hati guru.	9 3.8%	72 30.0%	148 61.7%	11 4.6%	2.67	.624	Sederhana
B3	Saya berminat dalam mempelajari teknik dan kaedah yang lebih berkesan dalam pembelajaran.	16 6.7%	55 22.9%	160 66.7%	9 3.8%	2.67	.655	Sederhana
B4	Saya tidak berasa malu untuk bertanyakan guru jika saya tidak memahami sesuatu.	6 2.5%	74 30.8%	153 63.7%	7 2.9%	2.67	.575	Sederhana
B5	Saya berusaha menguasai topik yang dipelajari untuk mendapat perhatian rakan dan guru.	6 2.5%	79 32.9%	138 57.5%	17 7.1%	2.69	.638	Sederhana
B6	Saya sering melibatkan diri secara aktif di dalam kelas apabila adanya sesi soal jawab.	14 5.8%	66 27.5%	149 62.1%	11 4.6%	2.65	.661	Sederhana
B7	Saya tanya guru Bahasa Melayu untuk menguasai mata pelajaran tersebut dengan baik.	6 2.5%	63 26.3%	156 65.0%	14 5.8%	2.74	.599	Sederhana
B8	Saya sentiasa menjadi orang pertama untuk menjawab soalan	10 4.2%	65 27.1%	155 64.6%	9 3.8%	2.68	.614	Sederhana
B9	Saya sentiasa ke hadapan untuk dapat perhatian guru	11 4.6%	78 32.5%	134 55.8%	16 6.7%	2.65	.675	Sederhana
Min Keseluruhan		2.69			Sederhana			

Min terendah bagi item minat ialah min 2.65, iaitu item B9, iaitu 'Saya sentiasa ke hadapan untuk mendapat perhatian guru.' Bagi item ini, jumlah responden yang memilih skala Setuju adalah seramai 134 orang (55.8%). Skala kedua tertinggi ialah skala Agak Setuju, iaitu seramai 78 orang (32.5%), diikuti skala Sangat Setuju seramai 16 orang (16.7%), dan hanya 11 orang sahaja (4.6%) yang memilih skala tidak setuju.

Min keseluruhan bagi dapatan ini ialah 2.69 iaitu berada pada tahap sederhana. Terbuktilah bahawa, melalui pendekatan ini, murid menunjukkan minat yang mendalam untuk mempelajari bahasa Melayu dengan menggunakan pendekatan yang lebih efektif.

### Tahap Sikap Murid Terhadap Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Terbeza Ketika Mempelajari Bahasa Melayu

Jadual 3 menunjukkan kekerapan, peratusan, taburan min dan sisa piawai bagi tahap sikap murid terhadap pembelajaran pendekatan terbeza.

JADUAL 3: Tahap sikap murid terhadap pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza ketika mempelajari Bahasa Melayu

Item	Pernyataan Sikap	Kekerapan dan peratusan					Tahap Min	
		TS	AS	S	SS	Min	SP	
C1	Saya seronok apabila pendekatan terbeza dilaksanakan di dalam kelas.	5 2.1%	59 24.6%	163 67.9%	12 5.0%	2.76	.570	Sederhana
C2	Saya bersungguh-sungguh siapkan tugasan yang diberikan guru.	10 4.2%	70 29.2%	149 62.1%	10 4.2%	2.67	.626	Sederhana
C3	Saya memberi pendapat apabila disoal dalam kelas.	13 5.4%	53 22.1%	160 66.7%	13 5.4%	2.72	.647	Sederhana
C4	Saya kemukakan idea baharu kepada kawan dalam sesuatu topik.	12 5.0%	84 35.0%	131 54.6%	12 5.0%	2.60	.666	Sederhana
C5	Pendekatan terbeza menggalakkan saya berfikir secara kritis dan kreatif.	8 3.3%	60 25.0%	158 65.8%	13 5.4%	2.74	.609	Sederhana
C6	Saya selalu berperhatian semasa pembelajaran Bahasa Melayu.	4 1.7%	75 31.3%	146 60.8%	14 5.8%	2.71	.598	Sederhana
C7	Saya bersikap positif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu walaupun sukar dan di luar kemampuan.	9 3.8%	67 27.9%	145 60.4%	18 7.5%	2.72	.655	Sederhana
C8	Saya bersikap pasif apabila guru kategorikan saya dalam kumpulan lemah.	11 4.6%	73 30.4%	147 61.3%	8 3.3%	2.64	.626	Sederhana
C9	Saya diam sahaja apabila disoal oleh guru kerana berasa malu.	7 2.9%	77 32.1%	145 60.4%	10 4.2%	2.66	.607	Sederhana
Min Keseluruhan		2.69			Sederhana	Min Keseluruhan		Sederhana

Secara keseluruhan, semua responden memilih skala setuju untuk menjawab bagi setiap item. Item yang mempunyai nilai min tertinggi ialah item C1, iaitu 'Saya seronok apabila pendekatan terbeza dilaksanakan di dalam kelas' dengan min 2.69. Bagi item ini, jumlah responden yang memilih skala Setuju seramai 163 orang (67.9%). Skala kedua tertinggi ialah skala Agak Setuju, iaitu seramai 59 orang (24.6%), diikuti skala Sangat Setuju seramai 12 orang (5%), dan hanya 5 orang sahaja (2.1%) yang memilih skala tidak setuju. Min terendah bagi item sikap ialah min 2.60 iaitu item C4, iaitu 'Saya akan mengemukakan idea baharu kepada kawan dalam sesuatu topik'. Bagi item ini, jumlah responden yang memilih skala Setuju seramai 131 orang (54.6%). Skala kedua tertinggi adalah Agak Setuju, iaitu seramai 84 orang (35%), diikuti skala Tidak Setuju dan sangat setuju yang mempunyai jumlah setara iaitu 12 orang (5%).

Jelaslah bahawa, sesetengah murid menunjukkan sikap yang positif apabila pendekatan pembelajaran terbeza dilaksanakan di dalam kelas manakala terdapat murid yang menunjukkan sikap yang kurang

memberangsangkan melalui pendekatan ini terutamanya bagi murid yang dikategorikan dalam kumpulan lemah.

#### **Tahap Motivasi Murid Terhadap Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Terbeza Ketika Mempelajari Bahasa Melayu**

Jadual 4 menunjukkan kekerapan, peratusan, taburan min dan sisihan piawai bagi tahap motivasi murid terhadap pembelajaran pendekatan terbeza.

**JADUAL 4: Tahap motivasi murid terhadap pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza ketika mempelajari Bahasa Melayu**

Item	Pernyataan Motivasi	Kekerapan dan peratusan				Min	SP	Tahap Min
		TS	AS	S	SS			
D1	Saya mendapat dorongan daripada guru dalam pembelajaran Bahasa Melayu.	7 2.9%	53 22.1%	166 69.2%	13 5.4%	2.77	.586	Sederhana
D2	Saya bersemangat untuk bantu ahli kumpulan tingkatkan fahaman mereka terhadap pembelajaran Bahasa Melayu.	8 3.3%	67 27.9%	148 61.7%	16 6.7%	2.72	.636	Sederhana
D3	Saya selesa untuk didekati oleh rakan untuk dijadikan rujukan dalam pembelajaran Bahasa Melayu.	9 3.8%	76 31.7%	139 57.9%	15 6.3%	2.67	.651	Sederhana
D4	Saya jadikan idea rakan lain sebagai motivasi untuk meningkatkan prestasi	15 6.3%	76 31.7%	134 55.8%	14 5.8%	2.62	.694	Sederhana
D5	Saya mahu menjadi murid terawal yang menyiapkan tugasan	11 4.6%	73 30.4%	149 62.1%	6 2.5%	2.63	.614	Sederhana
D6	Saya bersemangat beri idea yang pelbagai bila disoal guru dan rakan.	5 2.1%	65 27.1%	162 67.5%	7 2.9%	2.72	.553	Sederhana
D7	Guru Bahasa Melayu ubah pandangan saya ke arah lebih positif.	7 2.9%	55 22.9%	164 68.3%	13 5.4%	2.77	.590	Sederhana
Min Keseluruhan		2.70						Sederhana

Secara keseluruhan, semua responden memilih skala Setuju untuk menjawab item yang diberi. Item yang mempunyai nilai min tertinggi ialah item C1, iaitu ‘Saya sentiasa mendapat dorongan daripada guru dalam pembelajaran bahasa Melayu’ dengan min 2.77 dan item D7, iaitu ‘Guru Bahasa Melayu saya mengubah pandangan saya ke arah yang lebih positif’ dengan min 2.77. Bagi item D1, jumlah responden yang memilih skala Setuju adalah seramai 166 orang (69.2%). Skala kedua tertinggi ialah skala Agak Setuju, iaitu seramai 53 orang (22.1%), diikuti skala Sangat Setuju seramai 13 orang (5.4%), dan hanya 7 orang sahaja (2.9%) yang memilih skala Tidak Setuju.

Bagi item D7, jumlah responden yang memilih skala Setuju seramai 164 orang (68.3%). Skala kedua tertinggi ialah skala Agak Setuju, iaitu seramai 55 orang (22.9%), diikuti skala Sangat Setuju seramai 13 orang (5.4%), dan hanya 7 orang sahaja (2.9%) yang memilih sakala Tidak Setuju. Min terendah bagi item motivasi ialah min 2.62 bagi item C4, iaitu ‘Saya menjadikan idea rakan lain sebagai motivasi untuk meningkatkan prestasi saya.’ Bagi item ini jumlah responden yang memilih skala Setuju adalah seramai 134 orang (55.8%). Skala kedua tertinggi ialah skala Agak Setuju iaitu seramai 76 orang (31.7%), diikuti skala Tidak Setuju seramai 15 orang (6.3%), dan 14 orang (5.8%) yang memilih skala Sangat Setuju.

Min keseluruhan bagi dapatan ini ialah 2.70 iaitu berada pada tahap sederhana. Terbuktilah bahawa, melalui pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza, murid lebih bermotivasi untuk menguasai bahasa Melayu dengan lebih mendalam.

#### **PERBINCANGAN**

##### **Minat Murid Sekolah Menengah Swasta ketika Belajar Bahasa Melayu melalui Pendekatan Pembelajaran Terbeza**

Dapatkan kajian yang diperoleh menunjukkan tahap minat murid melalui pendekatan pembelajaran terbeza berada pada tahap sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa murid menunjukkan minat yang mendalam melalui pendekatan pembelajaran terbeza yang dilaksanakan oleh guru. Dapatan ini selari dengan kajian Nurul Ain et al. (2018) yang menunjukkan bahawa aplikasi Kahoot dalam proses PdP dapat menarik minat murid untuk lebih fokus dalam pembelajaran. Minat murid dalam mempelajari sesuatu pembelajaran melalui pendekatan yang interaktif dapat menyumbang kepada pencapaian akademik yang lebih baik. Menurut Sylviana dan Siti Mistima (2020), penggunaan bahan pembelajaran abad ke-21 dalam proses pembelajaran dapat meningkatkan minat murid terhadap subjek yang dipelajari serta membantu mengembangkan pemahaman murid dalam memahami sesuatu aspek yang sukar.

Dengan kata lain, pendekatan pembelajaran terbeza kurang diperlakukan dalam PdP Bahasa Melayu di sekolah swasta. Guru Bahasa Melayu tidak mengajar menggunakan pendekatan pembelajaran terbeza ini. Hal ini memberi kesan kepada murid-murid sekolah swasta dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Antaranya ialah murid-murid tidak berminat untuk belajar Bahasa Melayu. Selain itu, guru-guru Bahasa Melayu lebih memfokuskan kepada membantu pelajar untuk menguasai kemahiran Bahasa Melayu dengan cepat. Guru-guru Bahasa Melayu sekolah swasta kurang pengetahuan dan pendedahan tentang pendekatan pembelajaran terbeza. Hal ini menyebabkan mereka lebih suka menggunakan kaedah PdP yang dapat

membantu murid-murid berminat untuk mempelajari dan menguasai Bahasa Melayu dengan baik.

### **Sikap Murid Sekolah Menengah Swasta ketika Belajar Bahasa Melayu melalui Pendekatan Pembelajaran Terbeza**

Dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan tahap sikap murid melalui pendekatan pembelajaran terbeza berada pada tahap sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa murid menunjukkan sikap yang positif melalui pendekatan pembelajaran terbeza walaupun pendekatan ini merupakan pendekatan baharu bagi mereka. Dapatan ini selari dengan kajian Masyuniza (2015) dalam kajiannya telah menunjukkan bahawa sikap murid terhadap mata pelajaran bahasa Melayu mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan kemahiran abad ke-21. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, pendekatan yang sesuai dalam pembelajaran dapat melahirkan sikap positif murid terhadap sesuatu mata pelajaran.

Selain itu, murid akan berasa seronok apabila dapat melakukan pelbagai aktiviti ketika sesi pembelajaran dan keadaan ini akan mempengaruhi sikap murid dalam memberikan tumpuan serta fokus dalam pembelajaran. Hal ini diperkuuh dengan kajian yang dilaksanakan oleh Faris Danial (2020), faktor teknologi yang menjadi kekangan dalam proses PdP tidak seharusnya dijadikan sebagai alasan kerana penggunaan teknologi kini mampu menarik minat murid untuk mempelajari sesuatu mata pelajaran dan mereka akan menunjukkan sikap yang positif apabila pendekatan teknologi digunakan dalam proses pembelajaran.

Dengan kata lain, sikap murid sekolah swasta terhadap pendekatan pembelajaran terbeza masih pada tahap sederhana. Hal ini banyak berpuncak daripada kaedah pengajaran guru Bahasa Melayu yang tidak mengajar menggunakan pendekatan pembelajaran terbeza ini. Kesannya, murid-murid sekolah swasta ini tidak tahu tentang pendekatan pembelajaran terbeza.

### **Motivasi Murid Sekolah Menengah Swasta ketika Belajar Bahasa Melayu melalui Pendekatan Pembelajaran Terbeza**

Dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan tahap motivasi murid melalui pendekatan pembelajaran terbeza berada pada tahap sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa murid lebih bermotivasi untuk mempelajari bahasa Melayu dengan adanya pendekatan yang sesuai dan menarik. Bukan itu sahaja, peranan yang dimainkan oleh tenaga pengajar juga memotivasikan murid untuk mempelajari bahasa Melayu melalui kepelbaigan pendekatan yang digunakan. Dapatan ini bertepatan dengan kajian Zamri et al. (2015) yang menyatakan bahawa aspek motivasi sangat penting dalam mempengaruhi gaya pembelajaran

murid apabila pendekatan yang sesuai dilaksanakan oleh guru di dalam kelas. Hal ini menunjukkan bahawa murid yang mendapat pendedahan serta penggunaan pendekatan yang sesuai boleh meningkatkan motivasi murid. Dapatan ini bercanggah dengan dapatan Mohd Uzir et al. (2018) yang menunjukkan murid tingkatan satu kurang bermotivasi terhadap pembelajaran bahasa Melayu kerana ramai responden menjawab ‘tidak’ bagi item yang dikemukakan dalam bahagian motivasi.

Dengan kata lain, motivasi murid-murid sekolah swasta terhadap pembelajaran Bahasa Melayu akan meningkat jika guru-guru Bahasa Melayu menggunakan pendekatan pembelajaran terbeza. Pendekatan pembelajaran terbeza dapat meningkatkan motivasi murid-murid sekolah swasta sekiranya guru Bahasa Melayu tahu bagaimana hendak menggunakan pendekatan pembelajaran terbeza ini dalam PdP Bahasa Melayu.

### **IMPLIKASI KAJIAN**

Hasil daripada kajian ini telah memberikan banyak implikasi kepada pelbagai pihak. Pendekatan pembelajaran terbeza yang dilaksanakan oleh guru kepada setiap murid secara tidak langsung dapat memastikan pencapaian yang baik dalam sistem pendidikan di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila murid dapat menguasai sesuatu pembelajaran mengikut tahap kognitif mereka, sistem pendidikan akan menjadi semakin maju serta dapat dijadikan contoh oleh negara luar akan keberkesanannya pelaksanaan pendekatan yang digunakan. Bukan itu sahaja, pendekatan yang bersesuaian yang dilaksanakan secara konsisten oleh guru dapat menjamin pencapaian akademik murid serta kemahiran sosial murid dalam sistem pendidikan.

Pendekatan pembelajaran terbeza juga memberi implikasi positif kepada guru di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana, apabila sesuatu pendekatan dilaksanakan di dalam kelas dan dapat diterima dengan baik oleh semua murid, secara tidak langsung dapat memudahkan guru menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan. Guru-guru dapat menyediakan bahan pengajaran yang bersesuaian dengan murid di dalam kelas yang telah dikategorikan mengikut tahap masing-masing. Keadaan ini dapat mempercepat urusan guru dalam mengenal pasti kemahiran bagi setiap murid apabila pendekatan ini dilaksanakan di dalam kelas.

Memandangkan pendekatan pembelajaran terbeza merupakan satu inisiatif yang berkesan kepada kepelbaigan murid, pihak sekolah seharusnya memainkan peranan untuk memberi sokongan kepada guru dalam memastikan pendekatan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Bukan sahaja sekolah kerajaan malah pentadbir atasaran sekolah swasta juga perlu memandang serius akan keberkesanannya pendekatan ini terutamanya kepada murid bukan pututur natif.

Bagi murid pula, pendekatan ini dapat mendorong murid untuk menguasai sesuatu pembelajaran dengan lebih selesa kerana murid-murid tidak perlu terikut-ikut dengan tahap murid lain di dalam kelas. Murid-murid mampu mengetengahkan idea sendiri dengan kemampuan tersendiri. Keadaan ini dapat meyakinkan murid-murid yang sistem pendidikan adalah tidak kejam dan mampu memberikan yang terbaik kepada setiap murid mengikut tahap kemahiran masing-masing.

## KESIMPULAN

Sebagai tunjang dalam sistem pendidikan di Malaysia, guru-guru haruslah sentiasa bersedia dan berusaha dalam memastikan setiap murid menerima pendidikan dengan adil tanpa adanya prejedis terhadap mereka. Jadi, pihak guru serta pihak yang terlibat secara langsung dalam sistem pendidikan di Malaysia sewajarnya mengetengahkan pendekatan yang bersesuaian mengikut tahap kognitif murid. Pembelajaran berasaskan pendekatan pembelajaran terbeza sememangnya satu inisiatif yang harus diberi keutamaan serta dititikberatkan oleh setiap pihak terutamanya kepada murid sekolah menengah swasta memandangkan majoriti murid sekolah swasta adalah daripada murid bukan penutur natif. Sekiranya terdapat kekangan dalam pelaksanaan pendekatan ini, semua pihak haruslah mencari penyelesaian kerana pendekatan ini bersesuaian dengan kemajuan kini yang seharusnya tidak dipandang enteng oleh setiap pihak. Kajian lanjutan haruslah diperbanyak melibatkan pendekatan pembelajaran terbeza yang dijalankan di sekolah swasta atau sekolah antarabangsa kerana sememangnya pendekatan ini merupakan pendekatan yang efisien kepada semua murid.

## RUJUKAN

- Abd Hakim Abdul Majid. (2018). Keperluan pembelajaran berasaskan realiti maya dalam konstruk pemasangan komponen computer mata pelajaran TMK SPM pendidikan di Malaysia: Satu Kajian Rintis. *Asian People Journal*, 1(1), 28-44.
- Abd. Khahar Saprani, Hapsah Majid, Zanariah Ibrahim & Lokman Abd Wahid. (2018). Pedagogi terbeza: Keadilan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 11(1), 1-17.
- Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 77-88.
- Ain Nur Atika Agus. (2021). Tahap pengetahuan dan kesediaan guru bahasa Melayu dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah semasa tempoh perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 75-87.
- Bond, T.G. & Fox, C.M. (2007). *Applying the Rasch Model: Fundamental Measurement in the Social Science*. 2<sup>nd</sup> Citeseer. New York: Taylor & Francis Co.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Asas Statistik Penyelidikan: Analisis Data Skala Likert*. Edisi Ke-3. Selangor: McGraw Hill Education.
- Danial Ariff Abdul Muttalip & Zamri Mahamod. (2020). Pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah pedalaman kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10 (2), 29-42.
- Fairuz Badrol Hisham, Mohd Hasrul Kamarulzaman, Nurul Suzaina Joli & Moriah Mohd Ishak. (2017). Impak pengajaran terbeza ke atas motivasi pelajar pintar dan berbakat di dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Biologi. *E-Proceeding of the 6<sup>th</sup> Global Summit on Education 2017*, hlm.174-185.
- Faris Danial Razi. (2020). PKP:Teknologi jadi kekangan kerja dan pembelajaran di rumah, tetapi ada ‘jalan’ lain. *Astro Awani*. Diakses daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkp-teknologi-jadi-kekangan-kerja-dan-pembelajaran-di-rumah-tetapi-ada-jalan-lain-238178> [18 Februari 2023].
- Fathi Abdullah & Khadijah Abdul Razak. (2021). Tahap minat dan penerimaan pelajar terhadap gamifikasi dalam bidang Sirah. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5 (1), 27-38.
- Geviana Gladysa Anak George & Nurfaradilla Mohamad Nasri. 2021. Pendekatan terbeza: Pengetahuan dan amalan guru kelas bercantum di sekolah kurang murid (kajian literatur semantik). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 484-494.
- Halida Jawan & Zamri Mahamod. (2021). Kaedah dan cabaran pengajaran terbeza dalam meningkatkan penguasaan membina ayat bahasa Melayu murid sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 67-77.
- Intan Nur Syuhada Hamzah & Zamri Mahamod. (2021). Cabaran dan kesan pembelajaran dalam talian terhadap kemahiran literasi membaca dan menulis bahasa Melayu bagi murid sekolah rendah. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4(16), 57-77.
- Jayaganes Balanadam & Khairul Azhar Jamaluddin. (2021). Isu dan cabaran dalam kemahiran membaca di kalangan murid sekolah rendah di Malaysia. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 127-135.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.

- Masyuniza Yunos. (2015). Hubungan sikap dan persepsi murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu dengan kemahiran abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2), 22-30.
- Maslin Masrom. (2007). Technology acceptance model and e-learning. 12<sup>th</sup> International Conference on Education. Anjuran Sultan Hassanal Bolkiah Institute of Education Universiti Brunei Darussalam.
- Mohd Majid Konteng. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Uzir Zubir, Rohaidah Kamaruddin & Sharil Nizam Sha'ri. (2018). Motivasi dan sikap terhadap pembelajaran bahasa Melayu murid tingkatan satu (Junior One Loyalty), Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua. *Jurnal Kesidang*, 3(1), 82-91.
- Mohd Yazid Mohamad. (2016). Kekerapan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah jenis kebangsaan Cina. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Zulfiqar Mat Lui & Anuar Ahmad. (2021). Minat murid terhadap gaya, kaedah pengajaran dan pembelajaran guru dalam pendidikan Sejarah. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities*, 6(2), 211-221.
- Riduwan. (2012). *Skala Pengukuran Variabel-Variabel: Penelitian*. Bandung: PT. Alfabeta.
- Rosharimah Ibrahim. (2017). Faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu murid-murid Cina. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohaida Mazlan, Norziah Amin, Mohd Zaki Abd Rahman & Zamri Mahamod. (2020). Tahap penguasaan membaca dan menulis murid B40 dari perspektif guru bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(2): 54-73.
- Saravanan a/l P.Veeramuthu, Mohamad Luthfi Abdul Rahman & Jelani Harun. (2021). Persepsi pelajar terhadap kesan pembelajaran kesusastraan Melayu secara dalam talian. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12, 58-71.
- Siti Aishah Hassan. (2018). Kaedah pengajaran keterbezaan dalam pendidikan pintar dan berbakat. *E-Journal of Education*, 7(1), 12-21.
- Siti Aishah Sembai Aban Abdullah & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2022). Cabaran pengaplikasian pendekatan didik hibur dalam pengajaran guru bahasa Bahasa Melayu dari aspek kemahiran membaca dalam talian. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 349-362.
- Sylviana Mantihal & Siti Mistima Maat. (2020). Pengaruh pembelajaran abad ke-21 terhadap minat murid dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik: Satu tinjauan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(1), 82-90.
- Tan Shin Yen & Siti Hajar Halili. (2015). Effective teaching of higher order thinking in education. *The Online Journal of Distance Education and e-Learning*, 3(2), 41-47.
- Tomlinson, C.A. (2017). *Differentiated Instruction in Academically Diverse Classroom*. 3<sup>rd</sup> Edition. Alexandria, Virginia: ACDC.
- Tengku Fairuse Tengku Hassan. (2015). Tahap kemahiran guru bahasa Melayu dalam menerapkan amalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) semasa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tengku Nor Adila Tengku Mohamed Salim. (2017). Pengaruh sosial terhadap penulisan karangan bahasa Melayu murid peribumi daerah Bintulu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Vygotsky L.S. (1978). *Mind in Society: Development of Higher Psychological Processes*. Virginia: Library of Congress Cataloging in Publication Data.
- Wilma Akam & Faridah Mydin Cutty. (2018). Kesan pembelajaran terbeza terhadap motivasi dan pencapaian murid dalam topik daya subjek Sains sekolah rendah. *E-prosiding Kolokium Pendidikan Sains dan Psikologi*, pp. 553-560.
- Zamri Mahamod, Ruslin Amir & Mohamed Amin Embi. (2015). *Kepelbagai Pelajar dan Perbezaan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifli Osman, Anida Sarudin, Dahlia Janan & Ani Omar. (2016). Keberkesanan pendekatan autentik dalam meningkatkan tahap penulisan karangan pelajar. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7(1), 142-155.
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin & Abdul Muhsin Sulaiman. (2021). Pedagogi terbeza untuk pengajaran terhadap kepelbagaian murid. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities*, 6(9), 202-214.